

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 15.03.2017

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA]
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Deloitte Malaysia masih juruaudit rasmi SRC International Sdn Bhd dan jika tidak, siapakah juruaudit yang baru. Bilakah SRC International akan mengemukakan Penyata Kewangan untuk tahun 2015 dan 2016.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada pihak pengurusan SRC International Sdn Bhd (SRC), Deloitte Malaysia (Deloitte) sebelum ini telah menyatakan hasrat untuk meletakkan jawatan. Sehingga kini, SRC masih dalam proses mendapatkan juruaudit baharu dan

sehingga juruaudit baharu dilantik, Deloitte masih kekal sebagai juruaudit SRC. Dalam pada masa yang sama, SRC sentiasa komited untuk mendapatkan juruaudit baharu bagi menggantikan Deloitte.